

chairman's statement

penyata pengerusi 主席報告

Ladies and Gentlemen,

When the economic downturn struck South East Asia in the latter part of 1997, few of us realised how long the recession would last. Despite a fairly optimistic view taken more than one year ago for the 1999 business year, the recovery of the retail sector of the Malaysian economy has taken longer than we expected. Our 1999 trading year was adversely affected by continued sluggish retail demand, especially in the first half of the year.

Our trading result for 1999 has nevertheless been most pleasing. Your company benefitted from lower prices of some important raw and packing materials, as well as much lower interest costs than in previous years. In addition, we have continued to achieve cost savings through targetted efficiency drives in our factories, which resulted in improved margins.

Prior to year-end, we obtained sanction from our minority shareholders for the purchase of shareholding in Nestlé Cold Storage (M) Sdn. Bhd. and Nestlé Asean (M) Sdn. Bhd. from our major shareholder, Nestlé S.A. As a result, your company now owns 100% of Nestlé Cold Storage (M) Sdn. Bhd. and 87.5% of Nestlé Asean (M) Sdn. Bhd. These structural changes will assist us in concentrating on growth of the two important strategic business areas of Ice Cream and Chocolate/Confectionery.

I am very pleased that the 1999 trading year ended with significantly improved sales results for the last quarter, reflecting the upturn in the economy. We have entered 2000, not only with a much more favourable economic



environment, but also with an organisation focussed on strong sales growth, linked to improved customer service. Towards the end of 1999, we opened our new National Distribution Centre in Klang Valley, which is now fully operational, and which will enable us to meet customer demands more efficiently.

Barring any unforeseen circumstances, we are confident of delivering improved sales and profit results to our shareholders in 2000, and will further reinforce our position as the leading food manufacturer in Malaysia.

On behalf of all shareholders, and the Board of Directors, I wish to thank all Nestlé employees and our business partners for supporting our company in 1999.

Gen. (R) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali Seth

Tuan-tuan dan puan-puan,

Apabila kegawatan ekonomi melanda Asia Tenggara pada akhir tahun 1997, tidak ramai di antara kita dapat menentukan bila ia akan berakhir. Walaupun pandangan optimistik diambil lebih setahun lalu bagi tahun perniagaan 1999, pemulihan sektor perniagaan ekonomi Malaysia mengambil masa yang panjang daripada yang dijangkakan. Tahun perniagaan 1999 kita terjejas oleh permintaan yang lembab, terutamanya pada pertengahan pertama tahun ini.

Namun begitu, hasil perniagaan kita bagi tahun 1999 agak menggalakkan. Harga menurun bagi bahan mentah utama dan bahan pembungkusan serta kadar faedah yang lebih rendah pada tahun lalu turut memberi keuntungan kepada Syarikat. Kita juga terus mengamalkan langkah-langkah penjimatan melalui kempen peningkatan kecekapan di kilang-kilang yang telah memberi hasil yang baik.

Sebelum akhir tahun, kita telah mendapat kebenaran daripada pemegang-pemegang saham minoriti kita untuk membeli saham-saham Nestlé Cold Storage (M) Sdn Bhd dan Nestlé Asean (M) Sdn Bhd daripada pemegang saham utama kita, Nestlé S.A. Ekoran daripada itu, syarikat kini memiliki 100% Nestlé Cold Storage (M) Sdn Bhd dan 87.5% Nestlé Asean (M) Sdn Bhd. Perubahan struktur ini akan membantu kita menumpukan perhatian terhadap pertumbuhan dua kawasan perniagaan strategik yang penting iaitu Aiskrim dan Coklat/Konfeksi.

Saya bersyukur kerana kita berjaya menutup tirai tahun 1999 dengan jualan yang meningkat untuk tiga bulan terakhir yang sekaligus mencerminkan ekonomi negara kita telah pulih. Kita juga memasuki tahun 2000 dalam suasana ekonomi yang tidak sahaja memihak kepada kita malah dapat memberikan

penumpuan terhadap pertumbuhan jualan yang lebih mantap sambil meningkatkan perkhidmatan pelanggan. Pada akhir tahun 1999, kita telah membuka Pusat Pengedaran Nasional di Lembah Klang yang kini telah beroperasi sepenuhnya bagi membolehkan kita memenuhi permintaan pelanggan dengan lebih cekap.

Sekiranya tidak ada perkara yang tidak diingini berlaku, kita yakin dapat meningkatkan jualan dan meraih keuntungan untuk para pemegang saham bagi tahun 2000 ini. Kita juga akan menguatkan kedudukan kita sebagai pengeluar makanan terulung di Malaysia.

Bagi pihak semua pemegang saham, dan Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada setiap kakitangan Nestlé dan kesemua rakan niaga kita yang telah memberikan sokongan padu kepada Syarikat kita sepanjang tahun 1999.

NESTLÉ 1999 年总结

1997 年亚洲金融危机爆发，东南亚各国经济陷入困境，人们难以确定危机何时结束。尽管一年前我们对 1999 年经济前景持乐观态度，但马来西亚经济复苏进程缓慢，复苏时间比预期长得多。1999 年，我们受到疲软需求的影响，尤其是年初和年中。

然而，1999 年我们的经营成果相当令人鼓舞。主要原材料和包装材料价格下降，以及去年较低的利率也为我们带来了利润。我们还继续通过提高效率来实施节约计划，这已经取得了良好的效果。

在年底前，我们获得了少数股东对我们收购 Nestlé S.A. 持有的 Nestlé Cold Storage (M) Sdn Bhd 和 Nestlé Asean (M) Sdn Bhd 股份的批准。因此，我们现在拥有 Nestlé Cold Storage (M) Sdn Bhd 100% 的股份和 Nestlé Asean (M) Sdn Bhd 87.5% 的股份。这一结构变化将有助于我们专注于两个关键业务领域：冰淇淋和巧克力/糖果。

总的来说，我们对 1999 年的表现感到满意。在年底的最后三个月，我们的销售增长，这反映了国家经济正在复苏。我们将进入 2000 年，在一个对经济更有利的局面下，我们不仅能够应对挑战，还能提供

更集中的销售增长，同时提高客户服务水平。在 1999 年底，我们在雪兰莪开设了全国配送中心，这已经全面投入运营，将使我们能够更有效地满足客户的需求。

如果一切顺利，我们相信 2000 年可以实现销售增长和利润增长。我们将加强我们在马来西亚作为领先食品生产商的地位。

最后，我要感谢所有股东、董事和员工，以及我们的合作伙伴在 1999 年给予我们的坚定支持。

business review

kajian semula perniagaan 业务检讨

General comments ■ The effect of the South East Asian economic recession carried over from 1998 into 1999, resulted in a severely depressed trading environment and trading results during the first half of the year.

However, our business environment improved steadily in the latter part of 1999, and coupled with positive economic growth in our region, retail demand for our products increased. Although the total sales revenue for 1999 was virtually unchanged from the previous year, the last quarter's results showed very pleasing improvements, and helped our company to regain most of the volume lost in earlier months.

In addition, we benefitted from the currency stability resulting from exchange controls, as well as some significant cost reductions compared with 1998.

Our efforts in the past few years in addressing the Y2K issue enabled us to move into the new Century without any incidents. Our systems were all fully operational on the first working day of 2000.

During 1999, we completed the transactions to acquire 100% ownership of Nestlé Cold Storage Sdn. Bhd. and 87.5% of the share holding of Nestlé Asean Manufacturing (M) Sdn. Bhd. Prior to the transactions both companies were joint-ventures between our holding company, Nestlé S.A., and third parties. With the transfer to local ownership, we will streamline our company structure and add more focus to both our Ice Cream business and our exports, particularly the Confectionery products.

Marketing, Sales and Production ■

Despite the adverse business conditions in the early part of the year, we continued marketing support of all our brands. In addition, we continued to seek and implement productivity improvements throughout the organisation, which together with important raw material cost savings, have allowed the company to keep consumer prices stable. As a result, we have kept our consumer loyalty, through consistent quality and affordability, and overall market shares were either maintained or improved. Product availability and affordability are key criteria in our marketing strategy ("whenever, wherever, and however") and we have made some of our popular lines even more affordable with the introduction of more convenient and efficient packaging formats.

Particular emphasis was once again placed on our younger businesses, with allocation of additional expenditure and manpower resources. This resulted in very strong volume growths, particularly in Breakfast Cereals, Chocolate and Confectionery, and Vending products.

During 1999, we completed the reorganisation of our Sales structure, resulting in a leaner and more focussed distributor network and specific functions to address trade development and improved customer service. One of our company's strengths lies in our effective distribution system, and in order to build on this, we opened our new National Distribution Centre in Bukit Raja in the 3rd quarter of 1999. The largest warehouse of its kind in Malaysia, this facility was purpose-built for our company at a cost of

over RM100 million, and features the latest warehouse management and systems technology. As a result, we are even better equipped to respond to customer demands for the future, and have already made considerable improvements to our customer service levels since its completion.

The substantial increase in production capacities during our capital investment phase between 1994 and 1997, has enabled us to keep our capital investments to a minimum in 1999. Focus has been placed on more efficient utilisation of resources, with ongoing measured productivity campaigns, not only in our factories, but throughout the organisation.

Profitability ■ Despite a marginal decrease in sales value from RM1,981 million in 1998 to RM1,953 million, our profit margins improved overall. Our results were considerably enhanced due to lower average prices of important raw materials, including palm oil, coffee and milk powder. In addition, the stability of the Malaysian ringgit, and lower interest costs helped us to minimise exchange fluctuation and financing costs.

Profit before tax increased by 79% to RM243 million (1998: RM135 million), and as 1999 was a tax waiver year in Malaysia, the only taxation charge relates to movement in deferred tax provision.

Net profit after tax for 1999 was RM241 million for the Group, which represents an improvement of 92% compared with RM125 million in 1998.

Human Resources ■ In response to the economic downturn and difficult business conditions during 1999, we implemented a general freeze on external employment, in order to improve business output per capita in all areas of the company. Our staff have responded magnificently. Nestlé employees have coped with additional workload, and delivered improved results from a lower headcount. Fortunately, we were able to avoid any significant redundancies, and we achieved a reduction in overall number of employees through normal attrition, and some limited staff reductions. We continued with our staff training and development programs, both in Malaysia and abroad. During 1999, a total of RM2.3 million was spent on staff training, and an additional 8 staff were transferred abroad. Some staff returned from foreign assignments, and at the end of 1999, a total of 19 of our staff remained abroad at various Nestlé markets.

Our total headcount decreased from 3,312 at the end of 1998, to 3,198 at the end of 1999.

Prospects for 2000 ■ We have ended 1999 on a very positive note, and with an improved economic environment, a more efficient distribution system, and well-trained and motivated staff, we are well prepared to deliver good results in 2000.

Barring any unforeseen circumstances, Year 2000 promises to be another successful year for Nestlé Malaysia. Our management team and staff are fully committed to the task ahead of enhancing value to our shareholders, as well as our customers and consumers.

Ulasan Am ■ Kesan kegawatan ekonomi yang melanda Asia Tenggara dari tahun 1998 hingga 1999 menyebabkan kemelesetan ekonomi dan perniagaan pada enam bulan pertama tahun ini.

Bagaimanapun, pada enam bulan berikutnya keadaan ekonomi bertambah pulih dan pertumbuhan yang positif di rantau ini telah meningkatkan permintaan terhadap barangan-barangan kita. Walaupun jumlah pendapatan jualan bagi tahun 1999 tidak berubah dari tahun lalu, hasil tiga bulan terakhir menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dan membantu Syarikat kita memperoleh semula jumlah pendapatan yang hilang pada bulan-bulan sebelumnya.

Kedudukan matawang yang stabil kerana kawalan tukaran matawang serta langkah-langkah pengurangan kos berbanding tahun 1998 juga menguntungkan Syarikat.

Usaha kita menangani masalah Y2K pada tahun lalu membolehkan kita memasuki alaf baru tanpa sebarang peristiwa. Semua sistem kita berjalan lancar pada hari pertama tahun 2000.

Sepanjang tahun 1999, kita telah menyempurnakan urusanniaga untuk mendapatkan 100% pemilikan Nestlé Cold Storage Sdn Bhd dan 87.5% jualan saham Nestlé Asean Manufacturing (Malaysia) Sdn Bhd. Sebelum ini kedua-dua syarikat menjalankan urusanniaga secara usahasama untuk syarikat pemegang kita Nestlé S.A. dan pihak ketiga. Dengan pemindahan kepada pemilikan tempatan ini kita akan menyeragamkan struktur syarikat kita dan memberikan lebih perhatian kepada perniagaan Aiskrim dan eksport kita terutamanya untuk produk Konfeksi.

Pemasaran, Jualan dan Pengeluaran ■ Walaupun keadaan perniagaan tidak menentu pada awal tahun ini, kita terus memberi sokongan pemasaran kepada semua jenama kita. Di samping itu, kita terus meningkatkan produktiviti dalam organisasi kita, dan termasuk usaha kita menjimatkan kos bahan mentah membolehkan syarikat menstabilkan harga barang pengguna. Dengan itu kita dapat mengekalkan kesetiaan para pengguna kita dengan menawarkan barangan yang berkualiti dan mampu dibeli. Penguasaan pasaran yang menyeluruh juga dapat dikekalkan atau dipertingkatkan. Kriteria utama strategi pemasaran kita ialah menentukan produk kita terdapat di pasaran dan memastikan pengguna mampu membelinya. Kita juga telah memperkenalkan format pembungkusan yang lebih mudah dan cekap bagi memastikan beberapa barangan popular kita mampu dibeli.

Kita juga terus memberikan perhatian pada perniagaan-perniagaan baru kita dengan menambahkan perbelanjaan dan sumber manusia. Ini membolehkan perniagaan-perniagaan tersebut berkembang pesat terutamanya dalam pemasaran Bijirin Sarapan, Coklat dan Konfeksi serta produk mesin layan diri.

Sepanjang tahun 1999 juga kita telah menyempurnakan organisasi baru struktur Jualan kita yang telah menghasilkan rangkaian pengedar yang lebih fokus serta fungsi-fungsi tertentu untuk perkembangan perniagaan dan peningkatan khidmat pelanggan. Salah satu kekuatan Syarikat ialah keberkesanan sistem pengedaran kita dan untuk meningkatkan kecekapan kita dalam bidang ini, Syarikat telah membuka Pusat Pengedaran Nasional baru di Bukit Raja pada suku ketiga tahun

1999. Pusat Pengedaran yang menelan belanja sebanyak RM100 juta ini mempunyai gudang yang terbesar di Malaysia dan dilengkapi ciri-ciri pengurusan gudang terkini serta sistem teknologi tercanggih. Dengan itu, kita menjadi lebih lengkap bagi memenuhi permintaan pelanggan untuk masa depan dan kini telahpun memperlihatkan perubahan yang menggalakkan dari segi perkhidmatan pelanggan sejak ia beroperasi.

Peningkatan kapasiti pengeluaran yang ketara semasa fasa pelaburan modal kita di antara 1994 dan 1997, membolehkan kita mengekalkan pelaburan modal ke tahap minimum pada tahun 1999. Kita juga memberikan perhatian dalam menggunakan sumber-sumber yang ada dengan lebih cekap dengan mengadakan kempen produktiviti yang tidak sahaja dijalankan di kilang-kilang malah di seluruh organisasi kita.

Daya Keuntungan ■ Walaupun jualan merosot daripada RM1,981 juta pada tahun 1998 kepada RM1,953 juta, margin keuntungan kita bertambah baik pada keseluruhannya. Pendapatan kita meningkat kerana purata harga bahan mentah utama adalah lebih rendah, termasuk minyak sawit, kopi dan susu tepung. Di samping itu, kekukuhan Ringgit, dan kadar faedah yang lebih rendah membantu kita meminimumkan tukaran matawang dan kos pembiayaan.

Untung sebelum cukai naik sebanyak 79% kepada RM243 juta (1998: RM135 juta), dan oleh kerana tahun 1999 ialah tahun pengecualian cukai di Malaysia, cukai yang dibayar hanyalah berkaitan peruntukan cukai tertunda.

Untung bersih selepas cukai bagi tahun 1999 ialah RM241 juta bagi Kumpulan, yang merupakan peningkatan 92% berbanding dengan RM125 juta pada tahun 1998.

Sumber Manusia ■ Kemelesetan ekonomi dan keadaan perniagaan yang tidak menentu pada tahun 1999, menyebabkan kita membekukan pengambilan kakitangan luar untuk memperbaiki keluaran per kapita dalam semua bidang di dalam Syarikat ini. Tindakan ini mendapat sokongan padu kakitangan. Kakitangan Nestlé dapat menangani tugas yang lebih dan memberikan hasil yang cemerlang. Kita juga bernasib baik dapat mengelakkan sebarang lebihan pekerja dan dapat mengurangkan tenaga kerja melalui peraturan biasa dan pengurangan kakitangan yang terhad. Kita terus memberikan latihan kepada kakitangan dan menjalankan program perkembangan, di Malaysia dan di luar negeri. Sepanjang tahun 1999, sejumlah RM2.3 juta telah dibelanjakan untuk melatih kakitangan, dan 8 orang kakitangan telah ditugaskan ke luar negeri. Beberapa orang kakitangan telah pulang setelah

berkhidmat di luar negeri, dan pada akhir tahun 1999 sejumlah 19 orang kakitangan kita masih berada di beberapa pasaran Nestlé di luar negeri.

Jumlah kakitangan kita telah menurun daripada 3,312 pada akhir 1998 kepada 3,198 pada akhir 1999.

Prospek tahun 2000 ■ Kita telah menutup tirai tahun 1999 dalam keadaan yang paling positif, dan, dengan keadaan ekonomi yang lebih baik, sistem pengedaran yang lebih cekap, serta kakitangan terlatih yang bermotivasi, kita sudah bersedia menghadapi tahun 2000 dengan lebih gemilang.

Sekiranya tiada perkara yang tidak diingini berlaku, Tahun 2000 menjanjikan satu lagi tahun yang cemerlang bagi Nestlé Malaysia. Pasukan pengurusan dan kakitangan kita sentiasa komited untuk menjalankan tanggungjawab masing-masing untuk memastikan keuntungan para pemegang saham serta para pelanggan kita dan para pengguna.

据《中国统计年鉴》的资料,2000年,我国电力生产量中,水电发电量为1000亿千瓦时,风电发电量为100万千瓦时,风电发电量为100万千瓦时的1/100,风电发电量为100万千瓦时的1/100,风电发电量为100万千瓦时的1/100。